



Status Pendaftaran mengikut Negeri



Perincian Peserta mengikut Subjek

Subjek	SK	SM	Jumlah
Matematik	675	814	1,489
Sains	640	787	1,427
Lain bidang	84	117	201
Jumlah Guru	1,399	1,718	3,117
KPM dsb	83		83
Jumlah			3,200



TAHUKAH ANDA?

- Kursus ini dibuka untuk semua.
- Sijil akan diberikan kepada peserta yang berjaya melengkapkan kursus.
- Sijil Penyertaan akan diserahkan melalui kaedah dalam talian dan jumlah 12 hari LDP akan didaftarkan kepada semua peserta yang melengkap kursus.
- Kursus Lanjutan Dalam Talian Bahasa Inggeris Bagi *Dual Language Programme* (DLP) Tahun 2018 sedang dibina dan dijangka akan dibuka untuk pendaftaran dan pelaksanaan pada akhir Julai



Hubungi Kami

English Language Teaching Centre
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan

Telefon: +606-7979000/111
Faks: +606-7979113/114
E-mail: admin@eltc.edu.my




ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE
Kementerian Pendidikan Malaysia

KURSUS SOKONGAN BAHASA INGGERIS DALAM TALIAN BAGI DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) UNTUK GURU SAINS & MATEMATIK



www.eltc.edu.my



Pengenalan


Tujuan

Kursus ini dibangunkan oleh English Language Teaching Centre (ELTC), Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris guru Matematik dan Sains agar dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan lebih berkesan di dalam bahasa Inggeris.

Sasaran

Ia dibuka kepada semua guru Matematik dan Sains yang mengajar di semua sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK), bukan sahaja di sekolah yang menawarkan DLP.

Struktur Kursus



Kerangka Kurikulum

Kursus ini mempunyai 2 komponen, iaitu *English Language Proficiency* dengan 3 bilangan kredit, dan *English Language for Instructions* dengan 2 bilangan kredit. Jumlah kredit keseluruhan untuk kursus ini adalah 5 kredit.

English Language Proficiency bertujuan untuk meningkatkan profisiensi guru dalam bahasa Inggeris. *English Language for Instructions* bertujuan untuk melengkapkan guru dengan bahasa instruksional bagi kegunaan PdP yang lebih berkesan di dalam bahasa Inggeris.

Jangkamasa kursus adalah 10 minggu, iaitu 80 jam. Walaubagaimana pun, peserta boleh melengkapkan kursus sebelum jangkamasa tersebut.

